

**TRENDS IN THE USE OF WORD VARIATIONS FOR *SHAHĪD* (MARTYR) AND *IḤTILĀL* (OCCUPATION) IN AL-AYYAM AND AL-QUDS AL-ARABI NEWSPAPERS IN RELATION TO THE PALESTINIAN ISSUES: A CORPUS STUDY**

**TREN PENGGUNAAN VARIASI PERKATAAN *SHAHĪD* (MATI SYAHID) DAN *IḤTILĀL* (PENJAJAHAN) DALAM AKHBAR AL-AYYAM DAN AL-QUDS AL-ARABI BERKAITAN ISU PALESTIN: KAJIAN KORPUS**

Zainur Rijal Abdul Razak<sup>i</sup> & Yuslina Mohamed<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Profesor Madya, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. zainurrijal@usim.edu.my

<sup>ii</sup> Profesor Madya, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. yuslina@usim.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>The use of a particular word in newspaper articles plays a role in reflecting sentiment towards the news and the newspaper generally. Journalists, however, must also adhere to journalism ethics and professionalism in writing practices to maintain equality and avoid bias. The current conflict between Hamasa military wing in Palestine, Al-Qassam, and the Israel military has garnered global attention. The situation in the region has become more critical as western countries, particularly the United States and United Kingdom, who are close allies to Israel, openly support and intervene in the violence carried out by Israel. In response to this interference, some Islamic military group such as Hizbollah from Lebanon, as well as other groups from Syria, Yemen and Iraq, have threaten to get involved. This escalating tension has led newspapers worldwide to focus on this situation. This study aims to analyse the use of two words, 'martyr' and 'occupation' in two Arabic newspapers namely, Al-Ayyam that is published in Palestine and Al-Quds Al-Arabi from United Kingdom. It also aims to differentiate the trends in the use of these two words in both newspapers. The study collected a total of 20,532 words with a deliberate equal number of words in each subcorpus to allow comparison process. The Wordsmith 8.0 computer software was applied to analyse the corpus using the Wordlist and Keyword applications to the targeted goals. The results show that the Al-Ayyam newspaper reported more on the number of casualties among Palestinians using the word 'martyr' compared to the Al-Quds Al-Arabi newspaper. The same findings were obtained for the word 'occupation' analysis in both newspapers. This proves that Al-Ayyam newspaper is more aggressive and focused on reporting the current situation in Palestine.</i></p> <p>Keywords: <i>Martyr, Occupation, Al-Ayyam, Al-Quds Al-Arabi, Palestine.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Penggunaan perkataan-perkataan tertentu dalam artikel akhbar mampu menggambarkan sentimen terhadap berita dan akhbar itu secara umumnya. Namun begitu, para jurnalis dalam masa yang sama, perlu mematuhi etika dan profesionalisme penulisan jurnal agar ia dilihat neutral dan tidak berat sebelah. Peperangan mengejut yang berlaku antara sayap tentera Hamas di Palestin iaitu al-Qassam dan tentera Israel telah menjadi tumpuan dunia pada masa kini. Situasi di rantau tersebut menjadi lebih kritikal apabila pihak barat</i></p>

*khususnya Amerika Syarikat dan United Kingdom yang menjadi sekutu rapat Israel menyokong dan masuk campur secara terang-terangan terhadap keganasan yang dilakukan pihak Israel. Sebagai tindak balas kepada campur tangan ini beberapa kumpulan pejuang Islam seperti Hizbollah dari Lubnan, serta kumpulan-kumpulan lain dari Syria, Yaman dan Iraq mengancam untuk turut terlibat. Ketegangan yang semakin memuncak ini menyebabkan akhbar-akhbar seluruh dunia memberi tumpuan rapat kepada situasi ini. Tujuan kajian ini dijalankan untuk menganalisa penggunaan dua perkataan iaitu 'syahid' dan 'penjajahan' dalam dua akhbar Arab iaitu Al-Ayyam yang diterbitkan di Palestin dan Al-Quds Al-Arabi yang diterbitkan di Britain. Ia juga bertujuan untuk membezakan tren penggunaan dua perkataan ini dalam akhbar-akhabar yang dikaji. Kajian ini mengumpulkan sebanyak 20,532 perkataan dalam satu korpus utama manakala setiap subkorpus mempunyai jumlah perkataan yang seimbang bagi membolehkan perbandingan dilakukan. Satu perisian komputer Wordsmith 8.0 digunakan untuk menganalisa korpus ini dengan menggunakan aplikasi Wordlist dan Keyword untuk mencapai objektif yang disasarkan. Hasil kajian menunjukkan bahawa akhbar Al-Ayyam yang diterbitkan di Palestin lebih banyak melaporkan tentang jumlah mangsa warga Palestin yang terbunuh dengan menggunakan perkataan 'syahid' berbanding akhbar Al-Quds Al-Arabi yang diterbitkan di Britain. Dapatan yang sama diperolehi bagi analisa perkataan 'penjajahan' dalam kedua-dua akhbar. Akhbar Al-Ayyam juga lebih banyak menggunakannya berbanding akhbar Al-Quds Al-Arabi. Ini membuktikan bahawa akhbar Al-Ayyam lebih agresif dan memberi tumpuan dalam melaporkan situasi terkini yang berlaku di Palestin.*

*Kata kunci: Syahid, Penjajahan, Al-Ayyam, Al-Quds Al-Arabi, Palestin*

## **PENGENALAN**

Gaya penulisan akhbar antara medium penulisan yang banyak mengalami perubahan mengikut peredaran zaman. Hal ini kerana, akhbar secara tradisinya merupakan wadah penyampaian maklumat dan berita kepada pembaca dari pelbagai peringkat umur (Dahlan Ismail, 2022). Justeru, segala paparan maklumat dalam akhbar sentiasa diikuti rapat oleh para pembaca kerana ia sekaligus mampu membentuk pemikiran dan persepsi masyarakat terhadap sesuatu berita. Penerbitan akhbar sejak sekian lama memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat terkini kepada masyarakat sepantas yang mungkin agar mereka sentiasa menjadi ahli masyarakat yang berpengetahuan (Jammy Seigha, 2022, Pawan Koundal & Raghvendra Mishra, 2018).

Peperangan mengejut yang berlaku antara sayap tentera Hamas di Palestin iaitu Briged Al-Qassam dengan pihak tentera Israel (Israel Defence Force) bermula 7 Oktober lalu telah menjadi perhatian dunia. Hal ini kerana, ini adalah kali pertama serangan telah dimulakan secara mengejut oleh pihak Briged Al-Qassam yang diketahui umum serba kekurangan dari aspek peralatan dan kecanggihan aset ketenteraan. Ini amat berbeza dengan kekuatan ketenteraan pihak Israel yang sentiasa mendapat bantuan oleh Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah khususnya United Kingdom dan Perancis. Menurut Sinead dan Thibault (2023) menyatakan, tentera Israel tersenarai di kedudukan ke-18 terkuat di dunia. Lebih mengejutkan, tektikal serangan Briged Al-Qassam yang dilakukan semenjak hari pertama pada 7 Oktober tidak dijangka sama sekali oleh mana-mana pihak hatta oleh agensi risikan Israel Mossad. Perbezaan tahap kekuatan ketenteraan ini menyebabkan pihak Israel merasa malu dan tercalar apabila diserang terlebih dahulu tanpa dapat dikesan oleh risikan mereka yang canggih. Bagi menutup rasa malu ini, mereka menyerang semenanjung Gaza secara rakus untuk membunuh sesiapa sahaja orang awam dengan melanggar undang-undang antarabangsa ketika peperangan (Nuraina Hanis, 2023).

Situasi ini menyebabkan begitu ramai orang awam Palestin khususnya yang tinggal di semenanjung Gaza telah syahid. Memasuki minggu ke-3 peperangan meletus, lebih 7000

orang awam Palestin telah syahid, sementara berpuluh ribu lagi cedera. Antara tujuan utama serangan bertali arus dilakukan ke atas Gaza dilakukan adalah untuk menghalau penduduk Palestin di sana dan menjajah tanah mereka dengan membunuh seramai mungkin warga Palestin tanpa menghiraukan kecaman dunia. Alasan yang diberikan bagi mengaburi mata dunia adalah serangan dilakukan untuk membunuh dan menghapuskan tentera Al-Qassam yang berada dalam kalangan orang awam Palestin. Atas justifikasi ini, kajian ini dilakukan untuk menganalisa tren penggunaan dua perkataan iaitu 'syahid' dan 'penjajahan' dalam dua akhbar Arab iaitu *Al-Ayyam* yang diterbitkan di Palestin dan *Al-Quds Al-Arabi* yang diterbitkan di United Kingdom. Ia dilakukan untuk membuat perbandingan antara kedua akhbar ini memandangkan keduanya diterbitkan untuk menumpukan isu di Palestin tetapi dari negara berbeza. *Al-Ayyam* diterbitkan di Palestin sendiri manakala *Al-Quds Al-Arabi* diterbitkan di United Kingdom oleh ekspatriat warga Palestin yang tinggal di London (Alexandra Samoleit, 2005).

### TINJAUAN LITERATUR

Semenjak akhbar Arab mula diterbitkan secara fizikal ia telah menjadi medium utama penyebaran maklumat kepada masyarakat Arab (Muhammad Sayyid, tt). Walaupun sebahagian besar akhbar Arab masa kini telah berubah kepada bentuk digital, peranan yang dimainkan masih penting memandangkan ia boleh dianggap sumber berita yang dipercayai dan berautoriti. Kelebihan akhbar secara umumnya adalah ia ditulis oleh para wartawan yang mengamalkan etika kewartawanan yang ketat dan telus (William P Cassidy, 2007). Namun begitu, dari aspek praktikal, penerbitan sesuatu akhbar lazimnya mempunyai tujuan dan agenda tertentu dan sekiranya tidak dikawal; amalan kewartawanan akhbar tersebut tidak konsisten dengan etika dan profesionalisme yang sepatutnya diikuti.

Tren penggunaan sesuatu perkataan dalam akhbar mampu menggambarkan hala tuju, fokus dan agenda akhbar tersebut. Hal ini kerana ia mampu mempengaruhi minda masyarakat yang membacanya. Menurut Nor Zaliza dan Hamedi (2021), selain menyebarkan maklumat, akhbar juga berperanan dalam mendidik, mempengaruhi, menghibur dan bertindak sebagai agen perubahan masyarakat. Selain itu, kekerapan penggunaan perkataan tertentu dalam sesuatu isu dalam artikel akhbar yang dilaporkan mampu menggambarkan fokus dan tumpuan teks tersebut. Menurut Sonia Karim dan rakan-rakan (2019), perkataan yang kerap digunakan dalam sesuatu teks lazimnya merangkumi 80% perkataan dalam teks tersebut. Sementara Arafat Hossain dan rakan-rakan (2021), berpendapat, analisis ke atas perkataan bukan sahaja memaparkan fizikal perkataan tersebut tetapi juga mentafsirkan lebih dari sekadar itu. Dalam masa yang sama, ia mampu menterjemahkan hala tuju dan agenda yang ingin dibawa terhadap pemikiran masyarakat.

Kajian berkaitan penggunaan perkataan dalam akhbar telah dilakukan oleh Muhammad Hatta dan rakan-rakan (2023) yang melakukan analisis korpus tentang istilah dan perkataan berkaitan Covid-19. Kajian ini mendapati bahawa perkataan-perkataan berkaitan Covid-19 paling kerap digunakan dalam artikel genre kesihatan dan politik dalam akhbar Arab yang dikaji. Susi Yuliawati (2014) menganalisa kolokasi perkataan-perkataan yang merujuk kepada 'perempuan' dalam majalah *Mangle* yang diterbitkan sekitar 2012-2013 di Indonesia. Hasil kajian menunjukkan bahawa berlakunya kepelbagaian penggunaan istilah yang merujuk kepada 'perempuan' dalam majalah ini serta dapat dikaitkan dengan topik-topik tertentu. Istilah-istilah berbeza berkaitan 'perempuan' digunakan untuk menggambarkan samada situasi positif, negatif atau neutral. Kajian korpus juga telah dilakukan oleh Ariane Milagrosa (2018) ke atas frasa '*for example*' dan '*for instance*' dalam teks-teks dari *Brown Corpus* yang telah dibina oleh Henry Kucera dan Nelson Francis bermula tahun 1961 di Brown University, Amerika Syarikat. Kajian mendapati walaupun, kedua frasa ini membawa maksud yang sama dari aspek semantik dan sintaks, perbezaan penggunaannya dapat dilihat dari aspek stilistik dan kesesuaian lokasinya dalam ayat.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Semenjak peperangan terkini meletus antara kedua pihak pada 7 Oktober yang lalu, masyarakat dunia telah menyaksikan pembunuhan rakyat Palestin yang paling ramai dalam era moden ini. Pembunuhan yang paling trajis dan tidak berperni kemanusiaan yang direkodkan sehingga kini adalah pengeboman Hospital Al-Ahli Arab pada 17 Oktober lalu yang menyaksikan lebih 500 orang terbunuh dalam satu malam sahaja (Bernama, 2023). Tidak kurang juga pengeboman di kawasan-kawasan penduduk sehingga ke rumah-rumah ibadat samada masjid bagi penduduk Islam mahupun gereja yang majoritinya penganut kristian ortodoks. Justeru, dalam melaporkan kejadian-kejadian ini, kajian ini ingin melihat tren penggunaan perkataan 'syahid' dalam artikel akhbar yang dipilih bagi menggambarkan perjuangan rakyat Palestin semenjak sekian lama dalam mempertahankan tanah air, agama dan kota suci Bait al-Maqdis.

Sejarah Palestin telah menyaksikan, semenjak lebih seratus tahun yang lalu selepas tamatnya perang dunia pertama, penduduk haram Israel telah mendapat mandat dari Britain melalui Pengisytiharan Balfor dan pengiktirafan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk menjajah dan menduduki tanah Palestin lalu menubuhkan negara Israel (Ermy Azziaty & Azmul Fahimi, 2011). Semenjak itu, tanah Palestin mengalami penjajahan demi penjajahan oleh Israel untuk meluaskan negara haram mereka melalui pengambilan tanah rakyat Palestin secara paksa. Tercetusnya peperangan ini, menyaksikan pihak Israel cuba meluaskan penjajahan mereka dengan membunuh seramai mungkin rakyat Palestin di semenanjung Gaza bagi menakutkan mereka serta memberi arahan agar berpindah ke sempadan Mesir atau berpindah ke Jordan bagi mereka yang berada di Tebing Barat. Justeru, analisis perkataan 'penjajahan' dalam dua akhbar ini dapat mendedahkan tren penggunaannya samada ia dapat dikaitkan dengan perluasan penjajahan Israel ke atas tanah Palestin. Oleh kerana dua akhbar yang dikaji ini diterbitkan di dua negara berbeza iaitu akhbar *Al-Ayyam* di Palestin dan *Al-Quds Al-Arabi* di United Kingdom, analisis perbandingan dilakukan antara dua subkorpus ini dalam dua perkataan ini iaitu 'syahid' dan 'penjajahan'. Kajian perbandingan ini amat signifikan memandangkan United Kingdom merupakan salah sebuah negara yang menyokong kuat negara haram Israel.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bermatlamat untuk mencapai objektif di bawah:

1. Melihat *trend* penggunaan perkataan 'syahid' dan 'penjajahan' dalam akhbar *Al-Ayyam* dan *Al-Quds Al-Arabi* berkaitan isu Palestin.
2. Menganalisa perbandingan tren penggunaan perkataan 'syahid' dan 'penjajahan' antara akhbar *Al-Ayyam* dan *Al-Quds Al-Arabi*.

## METODOLOGI

Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah analisis korpus secara kuantitatif untuk mencapai objektif yang digariskan. Menurut Ziran Zhou (2021), pendekatan korpus melibatkan empat (4) ciri utama, pertama, menganalisa tren sebenar penggunaan bahasa dalam teks melalui penghasilan dapatan empirikal, kedua, menggunakan sejumlah besar teks untuk analisa, ketiga, mengaplikasikan secara mendalam aplikasi komputer dan keempat, melibatkan analisis secara kuantitatif dan kualitatif. Kajian ini menganalisa teks-teks dari akhbar Arab yang melaporkan berita berkaitan isu Palestin iaitu akhbar *Al-Ayyam* dan *Al-Quds Al-Arabi* yang mampu menggambarkan tren penggunaan perkataan dalam situasi sebenar. Teks yang dikumpul adalah dari tempoh masa yang sama bagi kedua-dua akhbar iaitu dalam minggu pertama dan kedua Taufan Aqsa berlaku dari 7 ke 21 Oktober 2023. Tempoh ini antara waktu kemuncak peperangan berlaku dan tempoh pihak Israel meningkatkan serangan serta pembunuhan beramai-ramai ke atas rakyat Palestin. Justeru, tempoh ini amat sesuai untuk analisa dua variasi perkataan yang dipilih untuk dikaji. Korpus yang digunakan dalam analisis ini mengandungi sebanyak 20,532 perkataan. Jadual 1 di bawah menjelaskan secara terperinci jumlah perkataan dan jumlah teks yang terlibat dalam dua akhbar Arab yang dikaji.

Jadual 1: Taburan jumlah perkataan dalam dua akhbar *Arab Al-Ayyam* dan *Al-Quds Al-Arabi*

Bil	Akhbar	Jumlah Artikel	Jumlah perkataan
1	<i>Al-Ayyam</i>	17	10,247
2	<i>Al-Quds Al-Arabi</i>	21	10,285
	<b>Jumlah</b>	<b>38</b>	<b>20,532</b>

Jadual 1 di atas menunjukkan jumlah perkataan dan teks dalam korpus yang dibina. Korpus yang dibina mengandungi sebanyak 20,532 perkataan dari 38 artikel dalam dua subkorpus iaitu *Al-Ayyam* sebanyak 10,247 dan *Al-Quds Al-Arabi* sebanyak 10,285 perkataan. Kesimbangan jumlah perkataan antara subkorpus adalah penting bagi memastikan tahap kebolehpercayaan yang tinggi terutama apabila analisis perbandingan dilakukan. Menurut Scott dan rakan-rakan (2017) korpus lazimnya mengandungi saiz jumlah perkataan yang besar bagi menghasilkan analisis yang lebih baik. Namun begitu, sifat kajian ini yang khusus kepada isu peperangan yang sedang berlaku di Palestin menjadikan jumlah korpus sekitar 20,000 perkataan ini sudah mencukupi.

Seperti yang telah dinyatakan oleh Ziran Zhou (2021), kajian berasaskan korpus perlu melibatkan aplikasi komputer secara mendalam. Justeru, analisis dalam kajian ini menggunakan perisian *Wordsmith 8.0* untuk mendapatkan data kajian secara kuantitatif. Perisian ini dilengkapi tiga bentuk aplikasi analisa utama iaitu senarai perkataan (*wordlist*), konkordan (*concordance*) dan kata kunci (*Keyword*). Analisis *wordlist* dan *keyword* telah digunakan dalam kajian ini kerana analisa pertama mampu menghasilkan senarai penggunaan perkataan tertentu mengikut kehendak dan objektif kajian. Sementara analisis kedua mampu membuat perbandingan dalam perkataan yang dikaji antara subkorpus.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dibahagikan kepada dua bahagian mengikut objektif yang disasarkan. Bahagian pertama, memaparkan data analisis dari aplikasi *wordlist* yang menyenaraikan semua perkataan yang digunakan dalam korpus mengikut frekuensi penggunaannya. Justeru, kajian ini hanya menganalisa perkataan 'syahid' dan 'penjajahan' serta variasi bentuk penggunaannya dalam senarai yang dipaparkan. Sementara bahagian kedua, memaparkan data analisa bandingan dari aplikasi *keyword* antara kedua subkorpus. Dua perkataan yang dikaji ini diberi tumpuan untuk mengenalpasti perbezaan tren penggunaannya. Sebelum dipaparkan perbincangan lanjut berkaitan analisa kajian, tangkap layar di bawah menunjukkan contoh perkataan yang dikaji:

Jadual 2: Contoh analisa perkataan الشهيد dalam perisian Wordsmith 8.0

N	Concordance	Set	Word #	#	#	#	#	File	Date	%
1	، فيما بلغ عدد شهداء الطواقم الصحية 37 شهيداً، موزعين بين أطباء ومساعدين		83	0	810	81	0	81 ARTIKEL 1.txt	/20230	8.9%
2	مرة ثانية من مسافة الصفر، فارتقى شهيداً على الفور. وأفادت مصادر طبية		416	0	0	0	0 ARTIKEL 3.txt	/20230		
3	. وبلغت حصيلة العدوان، أمس، 450 شهيداً على الأقل، وأكثر من 1000		35	0	330	33	0 33 ARTIKEL 9.txt	/20230		3.4%
4	في ثمانية أيام، إلى أكثر من 2350 شهيداً، بينهم نحو 740 طفلاً و500 سيدة		53	0	510	51	0 51 ARTIKEL 9.txt	/20230		5.0%
5	جودة وشاهين، ما تسبب بسقوط 20 شهيداً وعشرات الجرحى. كما سقط نحو		130	0	0	0	0 ARTIKEL 9.txt	/20230		
6	وعشرات الجرحى. كما سقط نحو 30 شهيداً في مجزرة منطقة الفاخورة بجباليا		137	0	0	0	0 ARTIKEL 9.txt	/20230		
7	غزة، وقرب الوادي، ما تسبب بسقوط 70 شهيداً على الأقل، وأكثر من 200 مصاب		767	0	0	0	0 ARTIKEL11.txt	/20230		
8	شهيداً في مواجهات مع الإحتلال الضفة: 15		3	0	1	0	1 1 ARTIKEL14.txt	/20230		0.1%
9	حشود غيرة تشق جثامين 14 شهيداً في محافظات الضفة محافظات -		6	0	4	0	4 4 ARTIKEL17.txt	/20230		0.7%
10	سقطوا برصاص قوات الإحتلال محافظات الضفة، أمس، جثامين 14 شهيداً		22	0	200	20	0 20 ARTIKEL17.txt	/20230		3.4%
11	، فيما بلغ عدد شهداء الطواقم الصحية 37 شهيداً، موزعين بين أطباء ومساعدين		83	0	810	81	0 81 ARTIKEL 1.txt	/20230		8.9%
12	مرة ثانية من مسافة الصفر، فارتقى شهيداً على الفور. وأفادت مصادر طبية		416	0	0	0	0 ARTIKEL 3.txt	/20230		
13	. وبلغت حصيلة العدوان، أمس، 450 شهيداً على الأقل، وأكثر من 1000		35	0	330	33	0 33 ARTIKEL 9.txt	/20230		3.4%
14	في ثمانية أيام، إلى أكثر من 2350 شهيداً، بينهم نحو 740 طفلاً و500 سيدة		53	0	510	51	0 51 ARTIKEL 9.txt	/20230		5.0%
15	جودة وشاهين، ما تسبب بسقوط 20 شهيداً وعشرات الجرحى. كما سقط نحو		130	0	0	0	0 ARTIKEL 9.txt	/20230		
16	وعشرات الجرحى. كما سقط نحو 30 شهيداً في مجزرة منطقة الفاخورة بجباليا		137	0	0	0	0 ARTIKEL 9.txt	/20230		
17	غزة، وقرب الوادي، ما تسبب بسقوط 70 شهيداً على الأقل، وأكثر من 200 مصاب		767	0	0	0	0 ARTIKEL11.txt	/20230		
18	شهيداً في مواجهات مع الإحتلال الضفة: 15		3	0	1	0	1 1 ARTIKEL14.txt	/20230		0.1%
19	حشود غيرة تشق جثامين 14 شهيداً في محافظات الضفة محافظات -		6	0	4	0	4 4 ARTIKEL17.txt	/20230		0.7%
20	سقطوا برصاص قوات الإحتلال محافظات الضفة، أمس، جثامين 14 شهيداً		22	0	200	20	0 20 ARTIKEL17.txt	/20230		3.4%
21	أكثر من 50 شهيداً. العدوان الإسرائيلي الهجعي		4	0	2	0	2 2 ARTIKEL 7.txt	/20230		0.7%
22	الأبناء الفلسطينية وفا إن أكثر من 50 شهيداً معظمهم من النساء والأطفال		66	0	640	64	0 64 ARTIKEL 7.txt	/20230		
23	فلسطينية وفلسطينية وفا إن أكثر من 50 شهيداً معظمهم من النساء والأطفال		66	0	640	64	0 64 ARTIKEL 7.txt	/20230		

### 1. Analisis Tren Penggunaan Perkataan 'Syahid' Dan 'Penjajahan'

Tren penggunaan bagi perkataan 'syahid' dan 'penjajahan' dapat digambarkan melalui frekuensi penggunaannya dalam korpus. Semantara itu, sebagai permulaan, jadual 3 di bawah menjelaskan analisa umum bagi 20 perkataan tertinggi dalam senarai frekuensi dalam korpus dua akhbar ini.

Jadual 3: Senarai 20 perkataan frekuensi tertinggi dalam korpus

Bil	Perkataan	Variasi	Kategori	Makna	Frekuensi	Peratus
1	غزة	-	اسم	Gaza	254	1.24
2	إسرائيل	الإسرائيلي، الإسرائيلية	اسم	Israel	198	0.96
3	الاحتلال	-	اسم	Penjajahan	166	0.81
4	قطاع	القطاع	اسم	Sektor	141	0.69
5	الفلسطينية	الفلسطيني	اسم	Palestin	87	0.42
6	قال	-	فعل	telah berkata	69	0.34
7	حماس	-	اسم	Hamas	68	0.33
8	الرئيس	رئيس	اسم	Ketua	63	0.31
9	شهيد	الشهيد	اسم	syahid	58	0.28
10	قوات	القوات	اسم	angkatan	55	0.25
11	مواجهات	-	اسم	konfrantasi	43	0.21
12	المتحدة	-	اسم	bersatu	43	0.21
13	شمال	-	اسم	utara	40	0.19
14	جنوب	-	اسم	selatan	39	0.19
15	أصيب	-	فعل	cedera	38	0.19
16	أكثر	-	اسم	lebih banyak	37	0.18
17	رفح	-	اسم	Rafah	36	0.18
18	أمس	-	اسم	semalam	35	0.17
19	وسط	-	اسم	tengah	34	0.17
20	قصف	-	اسم	pengeboman	34	0.17

Jadual 3 di atas menunjukkan senarai 20 perkataan teratas mengikut frekuensi penggunaannya dalam korpus. Senarai ini setelah melalui proses penyingkiran beberapa partikel yang lazimnya berada dalam senarai tertinggi dalam mana-mana korpus seperti في, إلى, أن, ما, على, من, إلى, dan lain-lain. Dari aspek kategori perkataan, jadual menunjukkan bahawa kategori kata nama (اسم) lebih banyak digunakan dengan 18 perkataan berbanding kata kerja (فعل) dengan hanya 2 iaitu قال (69 frekuensi) dan أصيب (38 frekuensi). Sementara perkataan yang paling kerap digunakan adalah kata nama khas غزة (Gaza) dengan 254 frekuensi atau 1.24% dari keseluruhan perkataan dalam korpus. Jadual juga membuktikan bahawa senarai frekuensi tertinggi di atas menyenaraikan banyak kata nama khas selain Gaza iaitu إسرائيل dengan 198 frekuensi atau 0.96%, الفلسطينية dengan 87 atau 0.42%, حماس (68 atau 0.33%), المتحدة yang merujuk kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PPB) dengan 43 frekuensi atau 0.21% dan رفح (36 atau 0.18%). Kewujudan perkataan الاحتلال (penjajahan) dan الشهيد (syahid) dalam senarai 20 perkataan tertinggi membuktikan kerelevanannya menjadi fokus dalam kajian ini.

Jadual 4: Frekuensi penggunaan perkataan 'syahid' beserta variasinya dalam korpus

Perkataan	Variasi	Jenis perkataan	Frekuensi	Peratus
الشهيد	شهداء، شهيدا	اسم مفرد	58	0.28
الشهداء	شهداء	جمع التفسير	52	0.25
استشهد	استشهدت	فعل ماض	28	0.14

استشهاد	استشهاده، استشهادهما	مصدر	25	0.12
شهيدين	-	اسم لمثلي	3	0.01
		<b>Jumlah</b>	<b>166</b>	<b>0.8</b>

Jadual 4 di atas menunjukkan frekuensi penggunaan perkataan 'syahid' dalam korpus yang dikaji iaitu akhbar *Al-Ayyam* dan akhbar *Al-Quds Al-Arabi* beserta variasi penggunaannya. Dapatan menunjukkan bahawa perkataan الشهيد beserta variasinya (شهيدا dan شهيد) paling kerap digunakan dengan 58 frekuensi berbanding kata majmuknya شهداء dengan 52 frekuensi atau 0.25%. Jadual juga menunjukkan bahawa terdapat variasi kata kerja bagi perkataan ini yang digunakan iaitu استشهاد dengan 28 frekuensi atau 0.14%. Dapat difahami juga bahawa kedua-dua akhbar ini menggunakan kata terbitan (مصدر) untuk perkataan 'syahid' ini iaitu استشهاد sebanyak 25 kali atau 0.12%. Jumlah keseluruhan penggunaan perkataan ini sebanyak 166 kali atau 0.80% membuktikan bahawa isu peperangan di Palestin telah menjadi fokus utama dalam dua akhbar ini dalam melaporkan jumlah kematian rakyat Palestin.

Jadual 5: Frekuensi penggunaan perkataan 'penjajahan' beserta variasinya dalam korpus

Perkataan	Variasi	Jenis perkataan	Frekuensi	Peratus
الاحتلال	احتلالي	مصدر	166	0.81
المحتلة	-	اسم المفعول للمؤنث	11	0.05
المحتل	-	اسم المفعول للمذكر	1	-
		<b>Jumlah</b>	<b>178</b>	<b>0.86</b>

Jadual 5 di atas menunjukkan frekuensi penggunaan perkataan 'penjajahan' dalam korpus yang dikaji iaitu akhbar *Al-Ayyam* dan akhbar *Al-Quds Al-Arabi* beserta variasi penggunaannya. Dapatan menunjukkan bahawa perkataan الاحتلال beserta variasinya (احتلالي) paling kerap digunakan dengan 166 frekuensi atau 0.81% berbanding variasi lain iaitu المحتلة dengan 11 frekuensi atau 0.05 dan المحتل dengan sekali penggunaan. Jumlah keseluruhan penggunaan perkataan ini sebanyak 178 kali atau 0.86% membuktikan bahawa penjajahan (الاحتلال) dan kebebasan rakyat Palestin merupakan isu utama yang berpanjangan dan masih gagal diselesaikan sehingga membawa kepada tercetusnya peperangan ini.

## 2. Analisa Perbandingan Antara Akhbar *Al-Ayyam* Dan Akhbar *Al-Quds Al-Arabi*

Bahagian kedua kajian ini adalah perbandingan penggunaan dua perkataan 'syahid' dan 'penjajahan' antara subkorpus akhbar *Al-Ayyam* dan akhbar *Al-Quds Al-Arabi*. Kaedah perbandingan adalah dengan menganalisa dua perkataan ini mengikut subkorpus secara berasingan dan menggunakan aplikasi *keyword* yang terdapat dalam perisian WordSmith 8.0. Jadual 6 di bawah memaparkan perbandingan penggunaan perkataan 'syahid' antara dua subkorpus.

Jadual 6: Frekuensi penggunaan perkataan 'syahid' mengikut akhbar

Perkataan	Variasi	<i>Al-Ayyam</i>		<i>Al-Quds Al-Arabi</i>	
		Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus
الشهيد	شهيد، شهيدا	53	0.52	5	0.05
الشهداء	شهداء	47	0.45	5	0.05
استشهد	استشهدت	25	0.24	3	0.03
استشهاد	استشهاده، استشهادهما	17	0.17	8	0.08
شهيدين		3	0.03	-	-
	<b>Jumlah</b>	<b>145</b>	<b>1.37</b>	<b>21</b>	<b>0.21</b>

Jadual 6 di atas menunjukkan penggunaan perkataan 'syahid' mengikut akhbar iaitu *Al-Ayyam* dan *Al-Quds Al-Arabi*. Ia membuktikan bahawa perkataan ini digunakan dalam pelbagai bentuk samada sebagai kata nama pembuat, kata jamak, kata terbitan dan kata kerja. Walaupun begitu, semua penggunaan ini adalah merujuk kepada kematian rakyat Palestin dalam keadaan 'syahid'. Hasil dari perbandingan antara dua akhbar yang dikaji, jelas menunjukkan bahawa akhbar yang diterbitkan di Palestini iaitu *Al-Ayyam* lebih banyak menggunakan perkataan 'syahid' ini dengan 145 kali dalam pelbagai variasi penggunaan berbanding akhbar *Al-Quds Al-Arabi* yang diterbitkan di United Kingdom dengan hanya 21 kali atau 0.21%. Ini jelas membuktikan bahawa akhbar dari Palestin sendiri lebih banyak melaporkan berita mengenai kematian rakyat Palestin akibat dari serangan rejim Israel.

Jadual 7: Frekuensi penggunaan perkataan 'penjajahan' mengikut akhbar

Perkataan	Variasi	<i>Al-Ayyam</i>		<i>Al-Quds Al-Arabi</i>	
		Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus
الاحتلال	احتلالی	144	1.40	22	0.21
المحتلة	-	6	0.06	5	0.05
المحتل	-	-	-	1	-
<b>Jumlah</b>		<b>150</b>	<b>1.46</b>	<b>28</b>	<b>0.26</b>

Jadual 7 di atas menunjukkan penggunaan perkataan 'penjajahan' mengikut akhbar iaitu *Al-Ayyam* dan *Al-Quds Al-Arabi*. Ia membuktikan bahawa perkataan ini digunakan dalam pelbagai bentuk namun dalam lingkungan kata nama sahaja berbanding perkataan 'syahid' dalam jadual 6. Antara kata nama yang digunakan adalah kata terbitan الاحتلال dan kata objek iaitu المحتلة dan المحتل. Walau bagaimanapun, semua penggunaan ini merujuk kepada penjajahan Israel ke atas tanah Palestin sejak sekian lama. Hasil analisa perbandingan antara dua akhbar, jelas menunjukkan bahawa akhbar yang diterbitkan di Palestin iaitu *Al-Ayyam* lebih banyak menggunakan perkataan 'penjajahan' ini dengan 150 kali dalam pelbagai variasi penggunaan berbanding akhbar *Al-Quds Al-Arabi* yang diterbitkan di United Kingdom dengan hanya 28 kali atau 0.26%. Ini jelas membuktikan bahawa akhbar dari Palestin lebih banyak merujuk kepada pendudukan haram Israel selama ini ke atas tanah Palestin sebagai penjajahan, bahkan serangan bom dan pembunuhan beramai-ramai rakyat Palestin pada masa ini merupakan satu helah pihak Israel untuk meluaskan penjajahan mereka.

Jadual 8: Perbandingan statistik kata kunci bagi perkataan 'syahid' & 'penjajahan' antara dua akhbar

Perkataan	<i>Al-Ayyam</i>	<i>Al-Quds Al-Arabi</i>	Skor BIC	Nilai <i>p</i>
	Frekuensi	Frekuensi		
الاحتلال	144	22	89.91	0.0000000
الشهيد	53	5	63.84	0.0000000
شهداء	47	5	29.47	0.0000000
استشهد	25	3	7.63	0.0000278

Jadual 8 di atas menunjukkan data perbandingan kata kunci bagi perkataan 'syahid' dan 'penjajahan' antara dua akhbar menggunakan aplikasi *keyword* dalam perisian Wordsmith 8.0. Bagi perkataan 'penjajahan' hanya terdapat satu perkataan didapati dalam senarai iaitu الاحتلال manakala perkataan المحتلة dan المحتلة tidak mampu muncul sebagai kata kunci. Jadual menunjukkan walaupun tanpa perkataan المحتلة dan المحتلة, perkataan 'penjajahan' yang diwakili (الاحتلال) tetap menjadi kata kunci bagi akhbar *Al-Ayyam* dari Palestin kerana penggunaan yang amat kerap berbanding penggunaannya dalam akhbar *Al-Quds Al-Arabi* dengan skor BIC tertinggi iaitu 89.91. Sementara, bagi perkataan 'syahid' terdapat tiga variasi berada dalam senarai kata kunci iaitu الشهيد dengan skor BIC 63.83 dan perkataan شهداء dan استشهد dengan masing 29.47 dan 7.63 skor BIC. Merujuk kepada skor BIC semakin

tinggi nilainya, semakin relevan perkataan tersebut dengan sesuatu subkorpus berbanding subkorpus yang lain. Dalam jadual di atas, perkataan الاحتلال adalah amat berkaitan dan menjadi kata kunci utama bagi subkorpus akhbar *Al-Ayyam* berbanding perkataan yang sama dalam subkorpus akhbar *Al-Quds Al-Arabi* dengan skor BICnya yang tertinggi.

### PERBINCANGAN DAPATAN

Korpus yang dibina dalam kajian ini menghimpunkan sebanyak 20,532 perkataan dari dua akhbar yang dikaji iaitu *Al-Ayyam* dari Palestin dan *Al-Quds Al-Arabi* dari United Kingdom. Artikel-artikel yang dikumpul dalam bentuk digital merangkumi tempoh minggu pertama dan kedua peperangan meletus antara Palestin dan Israel. Semua artikel yang dikumpul melaporkan berita mengenai peperangan ini. Melalui jadual 3 dapat dilihat bahawa semua perkataan dalam senarai teratas frekuensi penggunaan adalah merujuk secara jelas tentang peperangan yang sedang berlaku samada merujuk kepada pihak yang terlibat dalam peperangan iaitu Palestin, Hamas dan Israel, mahupun lokasi peperangan berlaku iaitu Gaza, mata arah iaitu utara dan selatan, korban peperangan iaitu syahid, mahupun pihak ketiga iaitu PBB dengan tersenarainya perkataan المتحدة. Kewujudan perkataan قصف (pengeboman) dalam senarai 20 perkataan tertinggi menunjukkan betapa sengitnya peperangan yang berlaku antara kedua pihak.

Sementara bagi Analisa perkataan 'syahid' secara khusus jelas menunjukkan bahawa akhbar-akhbar ini banyak melaporkan tentang kematian rakyat Palestin yang disifatkan sebagai syahid kerana mempertahankan agama dan tanah air dari kekejaman Israel. Kerapnya penggunaan kata jamak bagi 'syahid' iaitu شهداء membuktikan ramainya mangsa yang terkorban dalam sesuatu serangan dari pihak Israel seterusnya menjelaskan betapa Israel langsung tidak mepedulikan akan bilangan kematian rakyat Palestin. Kajian perbandingan antara subkorpus pula membuktikan bahawa akhbar yang diterbitkan di Palestin sendiri iaitu *Al-Ayyam* lebih banyak melaporkan tentang ramainya jumlah rakyat Palestin yang terkorban berbanding akhbar yang diterbitkan di United Kingdom iaitu *Al-Quds Al-Arabi*. United Kingdom dan Amerika Syarikat merupakan sekutu kuat dan pendokong negara Israel semenjak dahulu. Negara-negara pendokong kuat Israel ini terutamanya di Eropah sentiasa mengawal media-media mereka agar berita tidak melaporkan kekejaman Israel ke atas rakyat Palestin, sebaliknya menonjolkan pertubuhan Hamas sebagai pengganas dan pihak Israel sebagai pihak yang mempertahankan diri dan hak negara mereka.

Bagi perkataan 'penjajahan', analisa menunjukkan bahawa ia antara perkataan yang paling banyak digunakan selepas perkataan Gaza dan Israel (rujuk jadual 3). Ini membuktikan bahawa korpus yang dikaji ini merujuk tindakan Israel dalam krisis ini sebagai usaha meluaskan penjajahan mereka ke atas tanah Palestin. Kenyataan ini diperkukuhkan dengan amaran-amaran terkini pihak Israel kepada rakyat Palestin khususnya di Gaza supaya keluar dari Gaza dan berpindah ke selatan Gaza berhampiran sempadan Mesir. Jika tidak bantahan dari kerajaan Mesir, rakyat Palestin diarah berpindah ke Semanjung Sinai di Mesir agar mereka dapat menjajah sepenuhnya semenanjung Gaza. Tidak ketinggalan juga rakyat Palestin di Tebing Barat yang diarah berpindah ke sempadan Jordan. Namun, hasil analisa bandingan antara dua subkorpus mendapati, akhbar dari Palestin iaitu *Al-Ayyam* lebih banyak melaporkan tindakan penjajahan Israel berbanding akhbar *Al-Quds Al-Arabi* seperti yang ditunjukkan dalam jadual 7. Ia diperkukuhkan dengan jadual statistik perbandingan dalam jadual 8 yang menunjukkan perkataan 'penjajahan' ini menjadi kata kunci utama dalam akhbar *Al-Ayyam* berbanding akhbar *Al-Quds Al-Arabi* dengan nilai skor BIC yang tertinggi iaitu 89.91.

### PENUTUP

Kajian ini bertujuan melihat dan menganalisa penggunaan perkataan 'syahid' dan 'penjajahan' dalam dua akhbar yang melaporkan isu peperangan antara Palestin dan Israel yang terkini. Kekekapan penggunaan dua perkataan ini dalam korpus yang dikumpulkan membuktikan kerelevanannya dalam isi Palestin yang sedang menjadi tumpuan dunia. Dua

perkataan ini amat berkait rapat antara satu sama lain kerana penjajahan Israel yang berlaku dengan cara kejam masa kini mengakibatkan kesyahidan ramai rakyat Palestin khususnya dalam kalangan kanak-kanak dan wanita yang tidak terlibat sama sekali dengan peperangan. Kewujudan perkataan 'penjajahan' dalam senarai frekuensi tertinggi membuktikan apa yang berlaku semenjak dahulu di Palestin merupakan penjajahan pihak Israel ke atas tanah milik Palestin. Ketiadaan kata-kata khas yang merujuk kepada negara-negara Arab jiran seperti Mesir, Jordan, Arab Saudi dan Lubnan dalam senarai 20 perkataan tertinggi frekuensi dalam korpus seperti di jadual 3, menunjukkan negara-negara ini tidak memainkan peranan aktif dalam membantu rakyat Palestin menghadapi peperangan ini.

## RUJUKAN

### Buku

- Alexandra Samoleit. 2005. *Globalization and Media in the Arab World*. Germany: University of Erfurt.
- Jammy Seigha Guanah. 2022. *Ethical and credibility issues associated with social media as sources of news*. Nairobi: Globethics.net Co-Publications.

### Jurnal

- Arafat Hossain, Md. Karimuzzaman, Md. Moyazzem Hossain & Azizur Rahman. 2021. *Text mining and sentiment analysis of newspaper headlines*. Information, 12(10), 1-15. <https://doi.org/10.3390/info12100414>
- Ariane Milagrosa Pantaleon. 2018. *A corpus-based analysis of 'for example' and 'for instance'*. The Asian ESP Journal, 14(7.2), 151-175.
- Ermy Azziaty Rozali & Azmul Fahimi Kamaruzaman. 2011. *Perang Dunia Pertama, deklarasi Balfour dan kesannya terhadap Palestin*. International Journal of West Asian Studies, 3(2), 19-39. DOI: 10.5895/ijwas.2011.08.
- Muhammad Hatta Shafri, Hibriyatul Rifham Abu Bakar, Fudzla Surayya Abd Raup & Mohd Akashah Muhamad Yusof. 2023. *Kekerapan penggunaan istilah berkaitan Covid-19 dalam akhbar Arab: Kajian korpus*. IJLEAL, 13(1), 25-35. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v13i1.9140>.
- Muhammad Sayyid Soleh Sayyid. 2020. *Lughah al-Sohafah bayna fusha wa al-'Amiyah: Maqalat Farouq Juwaidah anmuzajan*. Majallah Buhuth Kulliyah al-Adab, 31(123), 1-27. DOI: 10.21608/sjam.2020.145901.
- Nor Zaliza Sarmiti & Hamed Mohd Adnan. 2021. *Kod etika kewartananan Malaysia dan kepentingannya kepada profesionalisme wartawan akhbar berbahasa Melayu di Malaysia*. Jurnal Pengajian Media Malaysia, 23(2), 53-71. DOI: 10.22452/jpmm.vol23no2.6.
- Pawan Koundal & Raghvendra Mishra. 2018. *Print and online newspapers: An analysis of the news content and consumption patterns of readers*. Communicator, LIII (1), 53-71.
- Sonia Karim, Sumiya Karim & Rashid Chandio. 2019. *Association of high frequency and low frequency word with reading comprehension of ESL undergraduate's*. International Journal of English and Education, 8(3), 105-114.
- Susi Yuliawati. 2014. *Analisis berbasis korpus: Kolokasi kata-kata bermakna 'perempuan' dalam media Sunda (Majalah Mangle, 2012-2013)*. Ranah, 3(1). 107-123.
- Wiliam, P. C. 2007. *Online news credibility: An examination of the perception of newspaper journalists*. Journal of Computer-Mediated Communication, 12(2), 478-498. <http://dx.doi.org/10.1111/j.1083-6101.2007.00334.x>

### Periodikal

- Bernama. 2023. *Majlis Keselamatan PBB adakan mesyuarat tergempar susulan serangan ke atas hospital di Gaza*. <https://www.bernama.com/bm/dunia/news.php?id=2236066> (diakses pada 18 Oktober 2023)

- Dahlan Ismail Abu Bakar. 2022. Media cetak dan kepentingannya. [https://pspk.upm.edu.my/artikel/media\\_cetak\\_dan\\_kepentingannya-70578](https://pspk.upm.edu.my/artikel/media_cetak_dan_kepentingannya-70578) (diakses pada 23 Desember 2022).
- Nuraina Hanis Abd Halim. 2023. Israel langgar undang-undang antarabangsa. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/israel-langgar-undang-undang-antarabangsa/> (diakses pada 28 Oktober 2023)
- Sinead B. & Thibault S. 2023. The world most powerful militaries in 2023, ranked. Insider. <https://www.businessinsider.com/ranked-world-most-powerful-militaries-2023-firepower-us-china-russia-2023-5> (diakses pada 24 Ogos 2023)

### **Prosiding**

- Scott A. Crossley, Mihai Dascalu & Danielle S. McNamara. 2017. *How important is size? An investigation of corpus size and meaning in both latent semantic analysis latent Dirichlet allocation*. Proceeding of the 30<sup>th</sup> International Florida Artificial Intelligent Research Society Conference. January 2017.
- Ziran Zhou. 2021. *Discourse analysis: Media bias and linguistics patterns on news reports*. Proceeding of International Conference on Education, Language and Art (ICELA 2021), Advance in Social Science, Education and Humanities Research, Vol. 637.

### **Disclaimer**

*Opinions expressed in this article are the opinions of the author(s). Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies shall not be responsible or answerable for any loss, damage or liability etc. caused in relation to/arising out of the use of the content.*